

08/04/2001

Razaleigh minta Mahathir terus pimpin negara

GUA MUSANG: Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meneruskan perjuangan pemimpin parti dan negara sehingga mencapai hasratnya mengembalikan pemerintahan Kelantan daripada Pas.

Katanya, peluang Barisan Nasional (BN) di bawah pimpinan Perdana Menteri merampas semula pemerintahan kerajaan Kelantan dalam pilihan raya umum akan datang amat cerah tetapi perlu bekerja lebih kuat.

Beliau berkata, ura-ura Perdana Menteri akan berundur daripada menerajui Umno dan negara, akan menimbulkan reaksi yang kurang senang di kalangan rakyat yang masih sayangkan beliau untuk terus memimpin negara.

Sehubungan itu, beliau mahu seluruh rakyat terus memberi keyakinan kepada Perdana Menteri dalam menjalankan tugas untuk menyelesaikan pelbagai masalah, sekali gus mencapai kemenangan sebagaimana yang dihasratkan.

"Saya mewakili rakyat Kelantan mahu Perdana Menteri terus menerajui Umno dan negara kerana perjuangannya masih belum selesai dan banyak lagi pembaharuan yang perlu dilakukan.

"Kita yakin dan percaya Perdana Menteri masih berkemampuan menjalankan pelbagai tugas yang diamanahkan walaupun menerima pelbagai kritikan dan tohmahan daripada parti pembangkang," katanya di majlis perasmian mesyuarat agung perwakilan Umno bahagian Gua Musang di Balai Rakyat Bukit Chekati, dekat sini, semalam.

Perasmian mesyuarat agung itu dilakukan oleh Perdana Menteri.

Tengku Razaleigh yang juga Ketua Umno bahagian Gua Musang berkata, Perdana Menteri tidak seharusnya mudah kecewa dengan pelbagai tohmahan dan fitnah yang dilemparkan terhadapnya sejak kebelakangan ini.

Katanya, perkara itu menjadi perkara biasa dalam hidup sebagai pemimpin dan perlu ditangkis secara bijak bagi mengelakkan keadaan sedemikian lebih buruk dan boleh melemahkan kerajaan.

Beliau percaya Perdana Menteri masih mempunyai kekuatan tersendiri dalam menegakkan kebenaran di bawah pemerintahannya hingga terus menuju kejayaan yang lebih cemerlang.

Menurutnya, keadaan itu perlu mengekalkan kepemimpinan yang ada supaya perjuangan terus diterima rakyat walaupun menerima pelbagai kerenah daripada perjuangan pemimpin parti pembangkang.

"Perubahan dalam kepemimpinan akan menimbulkan banyak lagi masalah. Oleh itu, kita perlu mengambil jalan supaya mengekalkan kepemimpinan yang ada kerana Perdana Menteri seorang pemimpin yang tegas," katanya.

(END)